

Pertumbuhan ekonomi perlu manfaat rakyat secara langsung

• Dalam konteks ekonomi Malaysia, pertumbuhan KDNK pada S1 2023 ini juga boleh dikatakan sudah berada pada tahap pertumbuhan prapandemik dan berada pada trajektori tepat

• Kerajaan perlu memainkan peranan lebih signifikan dan bekerjasama dengan pihak swasta dengan lebih baik, bukannya kembali kepada model ekonomi yang sektor itu menjadi satu-satunya pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara



Profesor Madya Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Dr Irwan Shah Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my

Data terkini dikeluarkan Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai prestasi ekonomi Malaysia pada suku pertama tahun ini (S1 2023) jelas menunjukkan ia sudah dapat berdiri sendiri tanpa perlu sokongan rangsangan luar biasa seperti pelbagai pakej rangsangan ekonomi diperkenalkan ketika berhadapan cabaran pandemik COVID-19.

Kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) direkodkan, iaitu 5.6 peratus, bukan sahaja melebihi jangkaan pasaran, bahkan antara prestasi ekonomi terbaik di rantau ini, begitu juga di dunia.

Prestasi KDNK Malaysia pada tiga bulan pertama tahun ini lebih baik daripada negara Jiran dan rantau ini seperti Indonesia, Thailand, Vietnam serta Singapura, malah China sekalipun. Begitu juga jika dibandingkan prestasi pertumbuhan ekonomi pada suku sama dengan negara maju.

Jika dilihat dari segi asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi Malaysia juga berkembang pada tahap 0.9 peratus, berbanding penguncupan direkodkan pada suku keempat tahun lalu (S4 2022) pada kadar 1.7 peratus.

Dalam konteks ekonomi Malaysia, pertumbuhan KDNK pada S1 2023 ini juga boleh dikatakan sudah berada pada tahap pertumbuhan prapandemik dan berada pada trajektori tepat. Malah, jika dibandingkan 2019 misalnya, nilai KDNK pada S1 2023 ini jauh lebih baik, mengatasi kadar pertumbuhan kesemua empat suku dan juga keseluruhan 2019 itu sendiri.

Dari sudut kadar pertumbuhan ekonomi, dengan mengambil kira trend lalu dan kategori ekonomi kita sebagai negara berpendapatan sederhana tinggi, kadar pertumbuhan normal dan baik secara puratanya adalah pada sekitar 5 hingga 6 peratus.

Oleh itu, jika kadar pertumbuhan ekonomi direkodkan di bawah 5 peratus, secara umumnya ini menggambarkan tahap pertumbuhan ekonomi di bawah potensi. Apabila pertumbuhan ekonomi melebihi 5 peratus, risiko untuk ekonomi menjadi *overheat* atau terlampau panas menjadi lebih tinggi pada masa hadapan.

Jika kita dapat mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi pada tahap ini (5 hingga 6 peratus) dalam beberapa tahun mendatang, saya yakin kita akan dapat mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi dalam masa terdekat.

Jadi, dengan mengambil kira trend pertumbuhan KDNK inilah, pihak BNM melalui Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) antara lainnya menorma-

lisasikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada 3 peratus, iaitu kadar prapandemik.

MPC juga berpendapat tahap 3 peratus ini adalah tahap akomodasi monetari wajar dari segi memberikan ekosistem terbaik untuk terus menyokong pertumbuhan ekonomi negara ketika ini. Semangannya ada juga faktor lain diambil kira MPC dalam membuat keputusan terhadap OPR baru-baru ini, terutama perkembangan terkini serta risiko terbahit kepada ekonomi global.

Selain beberapa negara mempunyai hubungan ekonomi, perdagangan dan pelaburan rapat dengan Malaysia serta keadaan krisis geopolitik masih lagi tidak menentu dan dilihat semakin meruncing dari semasa ke semasa. Begitu juga risiko kemelesetan ekonomi global dan fenomena stagflasi mungkin berlaku pada separuh kedua tahun ini.

Trend inflasi terkawal

Pada S1 2023, prestasi ekonomi Malaysia sekali lagi dipacu kekuatan dalam permintaan domestik dengan penggunaan swasta bertumbuh pada kadar 5.9 peratus. Ini tidak mengejutkan, memandangkan keadaan dalam pasaran buruh dilihat agak baik dan trend inflasi terkawal pada suku dinilai.

Kadar penyertaan tenaga kerja misalnya, meningkat pada kadar 69.8 peratus berbanding 69.5 peratus pada suku sebelumnya. Ini jelas menggambarkan bekalan pekerja dalam pasaran buruh negara pada suku pertama tahun ini kekal pada tahap menggalakkan untuk menyokong aktiviti pengeluaran negara pada Januari hingga Mac tahun ini.

Upah benar sektor swasta juga terus bertumbuh dengan baik, walaupun menunjukkan trend menurun sejak suku kedua 2022 (S2 2022). Inflasi, iaitu inflasi keseluruhan dan inflasi teras, berada pada tahap stabil. Pertumbuhan dalam pembentukan modal tetap kasar pada tahap 4.9 peratus menunjukkan aktiviti pelaburan sihat dalam ekonomi negara pada awal suku tahun ini.

Namun, ada beberapa aspek penting perlu diberi perhatian melihat kepada data ekonomi ini secara keseluruhan. Dalam aspek permintaan misalnya, kita melihat penguncupan dalam penggunaan sek-

tor awam, begitu juga pelaburan sektor awam bertumbuh pada kadar perlahan.

Ini memberikan bayangan kepada hala tuju ekonomi agak membimbangkan kerana ekonomi pascapandemik, kerajaan perlu memainkan peranan lebih signifikan dan bekerjasama dengan pihak swasta dengan lebih baik, bukannya kembali kepada model ekonomi yang sektor itu menjadi satu-satunya pemacu utama kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Kedua, kita juga melihat pertumbuhan eksport menguncup. Jadi, menuju ke hadapan, adalah penting untuk kerajaan mencari penyelesaian tuntas bagaimana kita boleh meningkatkan prestasi sektor luaran melalui penyertaan kita dalam perjanjian perdagangan antarabangsa, iaitu Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan Rundingan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

Antara strategi lain juga adalah bagaimana untuk kita mendapat manfaat daripada projek Nusantara di Indonesia, Inisiatif Jalur Sutera Baharu (BRI) dan kerangka strategi untuk pengenalan kepada Tabung Kewangan Asia (IMF) pada masa hadapan untuk memberikan manfaat optimum kepada negara kita jika direalisasikan.

Dari sudut penawaran, semua sektor bertumbuh secara sihat dengan sektor perkhidmatan dan perkilangan bertindak sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi pada suku pertama tahun ini.

Namun, apa lebih penting selain daripada kadar pertumbuhan ekonomi adalah hala tuju pertumbuhan ekonomi itu sendiri, iaitu misalnya, sejauh mana memberikan manfaat secara langsung kepada kesejahteraan rakyat tanpa ada ketinggalan.

Lebih penting lagi, bagaimana hala tuju pertumbuhan ekonomi ini diarah kepada pertumbuhan hijau selaras prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), sekali gus sejajar Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

